

16/05/2000

Ciri-ciri positif pendidik

Abdul Jalil Ishak

LEBIH 250,000 guru di seluruh negara menyambut Hari Guru hari ini. Bagi sambutan Hari Guru peringkat nasional tahun ini, Perak menjadi tuan rumah.

Hari Guru turut disambut pada segenap peringkat termasuk sekolah, daerah dan negeri. Lebih lima juta pelajar turut memeriahkan sambutan dengan pelbagai acara sebagai menghargai jasa dan sumbangan guru.

Kerajaan menetapkan 16 Mei sebagai Hari Guru bagi mengiktiraf sumbangan, fungsi dan tanggungjawab yang dimainkan guru dalam pembangunan negara. Guru juga terbabit dalam usaha meniupkan semangat kemerdekaan sehingga Tanah Melayu bebas daripada belenggu penjajah British.

Tema sambutan Hari Guru tahun ini ialah "Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan". Antara acara diatur ialah Penganugerahan Guru Inovatif, Guru Mithali, Guru Khidmat Cemerlang, Guru Pakar, Guru Yang Disayangi dan sebagainya.

Sumbangan guru dalam pembangunan negara sukar dipertikaikan. Guru ibarat lilin yang membakar diri sendiri bagi menerangi orang lain. Begitulah tanggungjawab sosial guru memberikan sinar cemerlang kepada anak didiknya bagi memastikan setiap pelajar menikmati tahap kehidupan yang cemerlang.

Konsepsi dan ungkapan guru, pendidikan dan pembangunan negara agak sinonim. Ini kerana tanpa guru, seseorang itu sukar mendapat pendidikan sempurna. Manakala pendidikan bermakna yang disediakan pemerintah akan menjanjikan tahap pembangunan fizikal dan kerohanian yang mapan demi kesejahteraan negara secara total.

Seseorang pendidik yang mempunyai jati diri yang luhur akan memperlihatkan ciri-ciri positif, termasuk:

- * Berfikiran proaktif, kreatif dan futuristik;
- * Bersikap sederhana dalam tindak tanduk;
- * Menunjukkan budaya berfikir yang cemerlang;
- * Boleh bergaul dengan baik dalam masyarakat setempat;
- * Berusaha memperbaiki diri, keluarga dan anggota masyarakat;
- * Berusaha mengubah masyarakat ke arah budaya cemerlang; dan
- * Berusaha mengekalkan etos perkhidmatan cemerlang.

Pembabitan guru dalam perspektif sosial seharinnya bukan sekadar berinteraksi dengan murid dan rakan sejawatnya di sekolah, namun mereka juga terpaksa berinteraksi dengan anggota masyarakat setempat yang lebih luas.

Di bilik darjah pula, seorang guru berfungsi sebagai pemimpin instruktural yang cekap; pencetus budaya penyayang; pembuat keputusan yang bijak dan muktamad; pengamal demokrasi tulen dan lebih daripada itu, dia juga boleh disifatkan sebagai ibu dan ayah kepada anak-anak yang masih mentah dalam unit organisasi sosial yang kecil.

Guru mempunyai pengaruh yang sangat mendalam kepada setiap insan. Tidak keterlaluan jika dikatakan setiap orang dalam hidupnya tidak akan melupai alam persekolahan yang dilaluinya sepanjang hayat. Gurulah yang menjadi pelakon ketika melayari bahtera persekolahan.

Seperti juga alam percintaan, kenangan pahit manis yang dilalui seseorang ketika mengharungi alam persekolahan pasti akan mengusik jiwa. Sehubungan itu, nama seseorang guru turut bermain di bibir dan pastinya, kenangan manis dan pahit itu akan terus berlegar di fikiran. Begitulah pengaruh guru dalam hidup kita.

Penghargaan terhadap guru adalah sesuatu yang wajar diberikan kepada mereka. Meskipun guru tidak mengharap ganjaran kebendaan, hadiah paling

berharga baginya ialah ketika menyambut berita kejayaan seseorang yang pernah menjadi anak didiknya.

Tidak keterlaluan dikatakan sama ada kita seorang jurutera, doktor, setiausaha korporat, ahli politik, hinggalah Perdana Menteri, kita sedar pernah dididik pelbagai guru dari peringkat rendah, menengah hinggalah universiti.

Tamadun sesebuah masyarakat itu amat berkait rapat dengan sistem pendidikannya. Ini dibuktikan dengan melihat kemajuan yang dicapai dunia sejak zaman Greek, zaman kegemilangan Islam, zaman Revolusi Industri, hinggalah ke era kebangkitan Islam dan globalisasi. Dalam setiap kemajuan itu, budaya ilmu terus dipertahankan.

Sesuai dengan tema memartabatkan profesion keguruan, adalah wajar bagi seluruh warga pendidik mengkaji semula takrif mengenai Falsafah Pendidikan Negara, matlamat dan wawasan yang dihasratkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mewujudkan masyarakat industri menjelang 2020.

Kita juga wajar menyorot kurikulum sedia ada agar sesuai dengan matlamat, wawasan dan tuntutan alaf baru, di samping mengkaji budaya ilmu yang dianuti segenap warga pelajar yang bakal menjadi pemimpin akan datang. Masyarakat guru juga harus tidak melepasi tanggungjawab dan fungsi dalam memenuhi tuntutan dan cabaran mengenai anjakan paradigma berikutan perkembangan teknologi maklumat (IT) yang mencorakkan senario pendidikan masa kini dan akan datang.

Sebagai pemankin yang menjadi agen perubahan dalam masyarakat, kaum guru juga perlu menyelaraskan pendekatan pengajaran pembelajaran mereka ke arah pemupukan knowledge-based economy, sesuai dengan matlamat Wawasan 2020, yang menumpukan lima bidang utama, iaitu, e-kedaulatan, e-pembelajaran, e-masyarakat, e-perkhidmatan awam dan e-ekonomi.

Ertinya, guru yang proaktif dan berdaya saing akan sentiasa memberi pertimbangan unsur-unsur terbabit dalam pengajaran pembelajaran mereka, sekali gus membekalkan mutu pendidikan bertaraf dunia dan dalam masa sama tidak mengabaikan kepentingan nilai-nilai intrinsik, demi kesempurnaan ilmu itu sendiri.